

UMP garis empat elemen budaya kerja cemerlang

KUANTAN 17 Jun - Universiti Malaysia Pahang (UMP) menggariskan empat elemen asas ke arah mewujudkan budaya kerja cemerlang selaras dengan hasrat universiti itu untuk muncul sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bertaraf dunia.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, empat elemen itu ialah sistem nilai, norma, sikap dan etika kerjaya.

Menurut beliau, semua elemen tersebut perlu ada dalam diri setiap warga UMP kerana ia bakal menjadi penentu kejayaan sesebuah organisasi agar dapat beroperasi dengan cemerlang dan berkesan.

"Elemen-elemen ini turut mencerminkan budaya organisasi, jika budaya organisasi baik, maka secara langsung ia dapat meningkatkan mutu kerja yang sekali gus akan menyumbang kepada kejayaan organisasi," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata, gerakan budaya kerja cemerlang juga dapat memupuk budaya kerja berorientasikan kualiti dalam mewujudkan perkhidmatan awam lebih cemerlang melalui inisiatif-inisiatif seperti penubuhan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM).

Sehubungan itu katanya, budaya kerja yang hendak dibentuk perlulah menggambarkan komitmen pihak pengurusan dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti.

"Budaya kerja cemerlang bukan sahaja untuk memenuhi konsep tetapi ia juga merupakan satu penghijrahan kepada budaya yang lebih baik.

"Apabila kita berada pada satu tahap cemerlang, kita perlu berusaha untuk mencapai ke satu tahap yang lebih tinggi," katanya.

Daing Nasir berkata, untuk membentuk budaya kerja cemerlang dalam organisasi, warga UMP harus bergerak di atas landasan yang betul sebagai pra syarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang.

Antara pra syarat itu, kata beliau ialah komitmen, mempunyai kesedaran kualiti dan bersedia menerima perubahan.